

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	Elak Malaysia jadi tong sampah dunia	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
2.	Yoursay: M'sia must punish importers of dirty plastic severely	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
3.	中国拒收的美国垃圾 CNN：马来西亚也嫌弃了 / China menolak AS remeh CNN: Malaysia juga membenci	news.seehua.com	Klik pada tajuk berita
4.	马来嫌弃美国废物：富国别当我们是垃圾场 / Melayu membenci sisa Amerika Syarikat: negara-negara kaya tidak fikir kita membuang sampah.	www.sohu.com	Klik pada tajuk berita
5.	中國拒收「洋垃圾」 馬來西亞喊話美國：別把我們當垃圾場 / China menolak 'sampah asing' Malaysia maka Demikianlah seterusnya kita: Jangan anggap kami sebagai tempat membuang sampah	www.hk01.com	Klik pada tajuk berita
6.	Jangan berada di kawasan lapang ketika ribut	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
7.	Lebih hargai kebersihan jika menghadap sungai	Berita Harian	Rujuk Lampiran 1
8.	Sisa kumbahan ternakan cemar Sungai Linggi	Berita Harian	Rujuk Lampiran 2
9.	Inside Amanda Lacaze's Malaysian nightmare	Financial Review	Klik pada tajuk berita

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
10.	<u>IADA Pekan anjur pertandingan inovasi perangkap tikus bantu pesawah</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
11.	<u>MSC raises mining output</u>	The Star Online	Klik pada tajuk berita
12.	<u>Kerajaan teruskan projek Sungai Nadi Kehidupan</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
13.	<u>Pembangunan vendor TNB cecah RM15.4b sejak 1994</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 3
14.	<u>Pembangunan vendor RM15.4b</u>	Utusan Malaysia	Rujuk Lampiran 4
15.	<u>Belum tentu gas beracun</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 5

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
16.	<u>Toxic waste: Lynas Corporation and the downside of renewable energy</u>	Independent Australia	Klik pada tajuk berita
17.	<u>Sumatera dilanda banjir, tanah runtuh</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
18.	<u>10 maut, 8 hilang banjir, tanah runtuh di Indonesia</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 6
19.	<u>New tests reveal some plastic bags that are meant to be 'biodegradable' can still carry a full load of shopping years after they were thrown away</u>	www.dailymail.co.uk	Klik pada tajuk berita
20.	<u>If we care about plastic waste, why won't we stop drinking bottled water?</u>	www.guardian.com	Klik pada tajuk berita

LAMPIRAN 1
BERITA HARIAN (ALAM SEKITAR): MUKA SURAT 6
TARIKH: 29 APRIL 2019 (ISNIN)

Lebih hargai kebersihan jika menghadap sungai

➔ Dasar pupuk sikap rakyat hargai sumber air, elak pencemaran

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azri@bh.com.my

Putrajaya

Kerajaan digesa mewajibkan semua pembinaan bangunan atau perumahan baharu menghadap kawasan sungai dalam usaha memastikan sumber air itu dan persekitarannya bersih tanpa pencemaran.

Saranan itu dibuat **Jabatan Alam Sekitar (JAS)** kepada kerajaan khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya meniru pendekatan yang sudah lama dilaksanakan negara maju.

Ketua Pengarah JAS, Datuk Dr Ahmad Kamarulnajib Che Ibrahim, berkata apabila merancang untuk membina bangunan meng-

hadap sungai, ia dapat membantu masyarakat membentuk sikap menghargai apa yang berada di hadapan mereka.

"Kita rancang bangunan menghadap sungai dan bukan lagi dapur berhadapan dengan sungai. Sekarang ini kena mula merancang untuk memastikan satu binaan bangunan dibenarkan menghadap sungai."

"Mana-mana kawasan yang boleh kerajaan main peranan macam PBT (pihak berkuasa tempatan) perlu cuba buat satu dasar macam itu. Barulah kita jadi negara maju seperti di Belanda, bangunannya menghadap sungai."

"Apabila bangunan menghadap sungai, kita pun kena ubah mindset (cara pemikiran). Jadi orang pun ada sikap memiliki dan menghargai sungai. Itu satu cara saya rasa yang sepatutnya dimainkan peranan oleh kerajaan," katanya kepada BH.

Pastikan ekosistem, ekologi sungai bebas pencemaran

Jika sebuah dasar perancangan baharu dibentuk, beliau berkata, ia langkah terbaik untuk pastikan ekosistem dan ekologi sungai itu



Jika sebuah dasar perancangan baharu dibentuk, ia langkah terbaik untuk pastikan ekosistem dan ekologi sungai itu dalam keadaan terkawal sekali gus bebas pencemaran"

Ahmad Kamarulnajib
Che Ibrahim,
Ketua Pengarah JAS



Keratan akhbar
BH Ahad, semalam.

dalam keadaan terkawal sekali gus bebas pencemaran.

Katanya, pelan sebegini sudah dilaksanakan di Putrajaya tetapi belum meluas, namun optimis bahawa dasar itu dapat dijadikan satu garis panduan buat perancang sama ada daripada agensi kerajaan mahupun swasta untuk membuat sebarang pembangunan di kawasan sungai.

Sukar ubah sikap manusia

"Jadi, perancang dari agensi kerajaan atau swasta, selepas ini kalau mahu buat pembangunan di kawasan sungai, langkah terbaik adalah ia mesti digandingkan sebaik mungkin dengan sungai dan kawasan sekelilingnya bagi menjamin ekosistem dan ekologi sungai itu sentiasa segar dan terkawal," katanya.

Ditanya adakah kempen Cintai Sungai Kita dilancarkan pada 1993 oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), beliau berkata untuk

mengubah sikap manusia adalah tugas amat mencabar.

Bagaimanapun, katanya, kempen itu adalah antara usaha atau teknik untuk menyedarkan orang awam bahawa pentingnya menjaga sungai.

"Saya nampak di Jepun, bukan hari ini beranak esok sungai bersih. Tidak. Tetapi di Jepun usaha kempen ini dijalankan berterusan kepada budak kecil."

"Bukan masalah lulus atau gagal. Sebab apa saya nak beritahu bahawa untuk ubah sikap manusia itu satu cabaran."

"Sebenarnya kempen ini adalah satu usaha atau teknik untuk menyedarkan orang awam dan memastikan orang awam faham sungai ini sangat penting dalam kehidupan. Kalau orang awam faham tapi sesetengah tak faham nak boleh buat apa? Sebab ini satu usaha tetapi kalau satu paksaan pun belum tentu juga boleh berjaya," katanya

LAMPIRAN 2
BERITA HARIAN (ALAM SEKITAR): MUKA SURAT 6
TARIKH: 29 APRIL 2019 (ISNIN)

Sisa kumbahan ternakan cemar Sungai Linggi



Sisa kumbahan ternakan antara punca yang menyebabkan pencemaran di Sungai Linggi, Seremban.

Seremban: Sisa kumbahan ternakan antara punca yang menyebabkan pencemaran Sungai Linggi, di negeri ini.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan, Norhazni Mat Sari, berkata siasatan mendapati pencemaran sungai itu berpunca daripada faktor terbabit, tetapi menyifatkannya tidak berada pada tahap membimbangkan.

"JAS masih menjalankan pemantauan menerusi Program Pengawasan Kualiti Air Sungai di 15 stesen sepanjang Sungai Linggi," katanya ketika dihubungi semalam.

Secara keseluruhan, beliau berkata, semua sungai di Negeri Sembilan berada pada tahap terkawal kecuali Sungai Linggi yang dikesan berlaku pencemaran di beberapa lokasi tertentu.

Norhazni berkata, pemantauan di sungai lain mendapati selain kesan sisa kumbahan ternakan, ada juga pencemaran berpunca dari industri, namun tahap pencemaran masih rendah.

Beliau meminta semua pihak bertanggungjawab memainkan peranan bagi memastikan sungai di negeri itu tidak lagi tercemar.

Sentiasa pantau kualiti air

"JAS sentiasa memantau kualiti air sungai dan berharap pihak berkenaan memainkan peranan mereka dalam memastikan sungai di negeri ini terus berada pada tahap terbaik," katanya.

Di **Kuala Lumpur**, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Shahrudin Md Salleh, berkata kerajaan akan meneruskan projek Sungai Nadi Kehidupan atau *River of Life* (RoL) bagi memulihara kebersihan sungai di ibu negara.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Program Penarafan Kebersihan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Fasa 8 semalam, beliau berkata, projek itu juga bertujuan memastikan sungai yang mengalami pencemaran Kelas Tiga, dinaikkan kualiti airnya kepada Kelas Dua.

LAMPIRAN 3
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT 20
TARIKH: 29 APRIL 2019 (ISNIN)

Pembangunan vendor TNB cecah RM15.4b sejak 1994

Tidak ramai yang tahu bahawa gergasi utiliti negara, Tenaga Nasional Bhd (TNB) telah membelanjakan sejumlah RM15.4 bilion bagi pembangunan vendor sejak 1994.

Perbelanjaan yang amat besar ke atas elemen terpenting dalam ekonomi domestik itu, terzahir dalam bentuk kontrak kepada vendor, khususnya perusahaan kecil dan sederhana.

Pengerusi, Tan Sri Leo Moggie, berkata TNB sangat aktif dalam menyokong pembangunan vendor tempatan.

"Sebahagian daripada mereka telah berkembang dan sudah mampu untuk memasarkan produk mereka ke luar negara," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata sejak 2014, separuh daripada perolehan TNB telah dianugerahkan kepada vendor tempatan.

TNB juga telah memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan sejak penubuhannya pada 1951, ketika ia masih dikenali sebagai Lembaga Letrik Pusat.

Kekal tanggungjawab sosial

Ketika itu, ia menyediakan biasiswa kepada pelajar-pelajar Tanah Melayu untuk berkursus di Kolej Teknikal Brighton di England.

"Sejak awal hingga hari ini, kami masih mengekalkan penyediaan biasiswa dan bantuan pendidikan sebagai salah satu komponen utama tanggungjawab sosial korporat TNB," katanya.



TNB sangat aktif dalam menyokong pembangunan vendor tempatan.

Syarikat terbabit, melalui penubuhan Yayasan Tenaga Nasional pada 1993, telah menyokong lebih daripada 10,000 orang pelajar siswazah dengan kos melebihi RM1 bilion.

Beliau berkata, selain biasiswa sedia ada, ia juga memperkenalkan

program biasiswa MyBetterFuture yang menasaskan golongan berpendapatan rendah atau B40 meliputi semua kaum.

Program itu yang dimulakan pada tahun lalu, telah menyediakan 945 pelajar daripada golongan B40 dengan yuran tuisyen serta elaun poket untuk meringankan

beban keluarga mereka.

Satu lagi sumbangan dalam sektor pendidikan adalah penubuhan Universiti Tenaga Nasional pada 1997, universiti ini telah melahirkan lebih daripada 20,000 graduan, termasuk Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar.

BERNAMA

LAMPIRAN 4
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 44
TARIKH: 29 APRIL 2019 (ISNIN)

Peranan besar TNB dalam menyokong ekonomi domestik

Pembangunan vendor RM15.4b

■ KUALA LUMPUR 28 APRIL

TIDAK ramai yang tahu bahawa gergasi utiliti negara, Tenaga Nasional Bhd (TNB) telah membelanjakan sejumlah RM15.4 bilion bagi pem-

angunan vendor sejak 1994.

Perbelanjaan yang amat besar ke atas elemen terpenting dalam ekonomi domestik itu, terzahir dalam bentuk kontrak kepada vendor, khususnya perusahaan kecil dan sederhana.

Pengerusi Tan Sri Leo Moggie berkata, TNB sangat aktif dalam menyokong pembangunan vendor tempatan.

"Sebahagian daripada mereka telah berkembang dan sudah mampu untuk memasarkan produk mereka ke luar negara," katanya.

Beliau berkata, sejak 2014,



TENAGA NASIONAL

Better. Brighter.

separuh daripada perolehan TNB telah dianugerahkan kepada vendor tempatan.

TNB juga telah memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan sejak penubuhannya pada 1951, semasa ia masih dikenali sebagai Lembaga Elektrik Pusat.

Ketika itu, ia menyediakan biasiswa kepada pelajar-pelajar Tanah Melayu untuk berkursus di Kolej Teknikal Brighton di England.

"Sejak awal hingga hari ini, kami masih mengekalkan penyediaan biasiswa dan bantuan pendidikan sebagai salah satu komponen utama tanggungjawab sosial korporat TNB," katanya.

Syarikat tersebut, melalui penubuhan Yayasan Tenaga Nasional pada 1993, telah menyokong lebih daripada 10,000 orang pelajar siswazah dengan kos melebihi RM1 bilion.

Beliau berkata, selain biasiswa sedia ada, ia juga memperkenalkan program biasiswa *MyBetterFuture* yang mensasarkan golongan berpendapatan rendah atau B40 meliputi semua kaum.

Program itu yang dimulakan pada tahun lepas, telah menyediakan 945 pelajar daripada golongan B40 dengan yuran tuisyen serta elaun saku untuk meringankan beban keluarga mereka.

Satu lagi sumbangan dalam sektor pendidikan adalah penubuhan Universiti Tenaga Nasional pada 1997, universiti ini telah melahirkan lebih daripada 20,000 graduan, termasuk ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar. - BERNAMA



LEO MOGGIE

LAMPIRAN 5
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 6
TARIKH: 29 APRIL 2019 (ISNIN)

Kota Kinabalu

Belum temui gas beracun

Siasatan untuk mengenal pasti jenis gas beracun yang menyebabkan seorang pekerja kapal maut manakala dua lagi cedera di Jeti Lok Poring, Sepanggar, kelmarin, diteruskan.

Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Asisten Komisioner Habibi Majinji berkata, pihaknya sudah mengambil keterangan daripada pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk siasatan lanjut.

“Hasil pemeriksaan JBPM di lokasi peti simpanan ikan kapal belum menemui

sebarang kewujudan gas beracun amonia, hidrogen dan sulfite.

“Sehubungan itu, siasatan masih diteruskan,” katanya dalam kenyataan media di sini, semalam.

Terdahulu, dalam kejadian kira-kira jam 12 tengah hari, kelmarin, pekerja kapal, Hasrul La Ridi, 42, maut ketika melakukan kerja memunggah peti ikan untuk dihantar ke kilang baja di Sepanggar.

Dua rakannya, La Eni, 31, kritikal dan tidak sedarkan diri serta dirawat di Hospital Likas manakala seorang lagi mangsa, La Ace, 36, cedera ringan.



KEADAAN di lokasi kejadian mangsa terhidu gas beracun di Jeti Lok Poring, Sepanggar, kelmarin.

LAMPIRAN 6
HARIAN METRO (GLOBAL): MUKA SURAT 33
TARIKH: 29 APRIL 2019 (ISNIN)



GAMBAR pemandangan dari atas rumah tenggelam selepas hujan lebat menyebabkan banjir di Bengkulu di pulau Sumatera, Indonesia. - Agensi

10 maut, 8 hilang banjir, tanah runtuh di Indonesia

Jakarta: Sekurang-kurangnya 10 maut dan lapan lagi hilang selepas hujan lebat beberapa hari menyebabkan banjir dan tanah runtuh di Sumatera, kata pihak berkuasa hari ini.

Kira-kira 12,000 dipindahkan manakala ratusan bangunan, jambatan dan jalan raya rosak akibat cuaca buruk yang menjejaskan sembilan daerah atau bandar di seluruh wilayah Bengkulu.

Air sudah surut di beberapa tempat tetapi menurut pihak berkuasa, tahap kerosakan atau kemusnahan

belum dapat dipastikan kerana ada kawasan masih terputus hubungan.

Jurucakap agensi bencana kebangsaan, Sutopo Purwo Nughoro berkata, tanah runtuh dan banjir boleh berlaku lagi jika hujan lebat.

Menurutnya, penduduk dan mangsa juga dikhuatiri mengalami bencana sampiran, termasuk penyakit kulit dan jangkitan pernafasan disebabkan masalah kebersihan dan kekurangan air bersih.

Gambar yang dirakam dari udara menunjukkan sungai melimpah, mem-

banjiri penempatan di beberapa bahagian wilayah berkenaan.

Pusat pemindahan sementara ditubuhkan untuk menempatkan kira-kira 13,000 mangsa dan pihak berkuasa berusaha menghantar bantuan ke kawasan pedalaman dan kawasan yang jalan raya rosak akibat tanah runtuh atau terhalang dengan sampah sarap serta pokok tumbang.

Banjir yang melanda Jakarta minggu lalu, menyebabkan dua maut dan lebih 2,000 orang terpaksa dipindahkan. - AFP